












GARIS PANDUAN MENGHADIRI MISA DI GEREJA

Harap maklum bahawa garis panduan SJC akan dikemaskini tertakluk kepada perkembangan semasa selaras dengan garis panduan Kementerian Kesihatan Brunei (Tempat-tempat ibadah selain masjid dan surau – Tahap kesediaan operasi 4 bermula 3 ogos 2020).


A. Tindakan sebelum datang ke Gereja

	Anda perlu menunjukkan sikap sabar dalam segala hal. Sila patuhi arahan setiap masa.
	Memuat turun dan mendaftar ke aplikasi BruHealth. Datang ke Gereja hanya jika anda mendapatkan kelulusan kod berwarna "Hijau" atau "Kuning". Sekiranya anda tidak dapat memuat turun aplikasi Bruhealth, anda tidak dibenarkan menghadiri Misa. Anda boleh daftarkan diri mengikuti ahli keluarga atau rakan untuk mengimbas masuk.
	Sila daftar untuk Misa hujung minggu yang ingin anda hadiri di laman web Pendaftaran Misa. Ini akan memudahkan proses pendaftaran lebih awal sebelum Misa bermula. Sekiranya anda tidak didaftarkan, anda TIDAK dibenarkan masuk ke Gereja untuk Misa pada hari itu.
	Anda yang menghidap penyakit kronik, sedang mengandung dan kanak-kanak di bawah 12 tahun TIDAK dibenarkan hadir dan digalakkan menyertai Misa siaran langsung.
	Anda digalakkan hadir awal sekurang-kurangnya 30 minit sebelum Misa bermula untuk proses Pendaftaran dan Pemeriksaan suhu badan. Jika Misa sudah dimulakan, anda TIDAK dibenarkan masuk dan perlu mendaftar semula untuk Misa yang lain.
	Pastikan anda memakai pelitup muka sebelum keluar dari kenderaan dan semasa berada di dalam Gereja.
 	Sila bawa tisu basah / antibakteria untuk membersihkan tempat duduk anda. Sila bawa pensanitasi tangan untuk mensanitasi tangan anda sebelum memasuki Gereja kerana Gereja mempunyai bekalan yang terhad.
	Sila bawa buku Missal dan pen.
	Penggunaan tandas Gereja dihadkan, gunakan tandas di rumah sebelum datang ke Gereja. Tetapi jika anda ingin menggunakan tandas di Gereja, sila lakukan sebelum Misa bermula.





B. Tindakan semasa tiba dan sebelum memasuki Gereja

	<p>Sila tunggu di dalam kereta anda sehingga anda dipanggil oleh petugas. Adalah diingatkan bahawa anda TIDAK dibenarkan masuk sekiranya anda terlambat dan Misa sudah dimulakan kerana pintu pagar akan di tutup.</p>
	<p>Sentiasa mengekalkan jarak fizikal. DILARANG berkumpul sebelum dan selepas Misa.</p>
  	<p>Pendaftaran dan Pemeriksaan Suhu</p> <p>I. Anda perlu didaftarkan untuk Misa pada hari tersebut. Sila bawa pengesahan e-mel sama ada di cetak atau di telefon anda. Sekiranya anda tidak berada dalam senarai, anda TIDAK akan dibenarkan menghadiri Misa.</p> <p>II. Hanya mereka yang mempunyai kod berwarna “hijau” atau “Kuning” di aplikasi bruhealth dibenarkan masuk.</p> <p>II. Sekiranya anda atau satu dari ahli keluarga anda mencatat suhu 37.5°C ke atas sebanyak 3 kali berturut-turut, anda semua TIDAK dibenarkan masuk dan dinasihatkan berehat di rumah.</p> <p>IV. Periksa maklumat peribadi anda dengan teliti dan semak kehadiran anda.</p>
	<p>Pastikan anda mengimbas kod QR sebelum masuk.</p>
	<p>Tempat Duduk</p> <p>Pengaturan tempat duduk anda akan diberitahu hanya pada hari Misa tersebut. Harap maklum bahawa anda dan ahli keluarga mungkin tidak dapat duduk bersama.</p>
	<p>Sila masukkan sumbangan anda ke dalam bakul yang disediakan di pintu masuk Gereja sebelum Misa dimulakan.</p>
	<p>Sila sanitasi tangan anda sebelum memasuki Gereja.</p>
	<p>Memasuki Gereja hanya melalui Pintu Rahmat (Mercy Door).</p>

C. Tindakan semasa berada di dalam Gereja dan semasa Misa

	<p>Sila duduk di tempat yang ditentukan untuk anda. Tinggalkan ruang di antara setiap orang.</p>
	<p>Sila bersihkan tempat duduk anda dengan tisu basah / antibakteria sebelum anda duduk. Tolong buang tisu di rumah.</p>
	<p>Kontek fizikal seperti berpegang tangan semasa Doa Bapa Kami dan bersalaman semasa Tanda Kedamaian TIDAK dibenar.</p>
	<p>Komuni HANYA dapat diterima dengan tangan. Sila sanitasi tangan anda sebelum menerima dan tunggu arahan dari warden.</p>
	<p>Setelah menerima Ekaristi, sila melangkah ke kawasan yang bertanda di lantai. Tanggalkan pelitup muka anda hanya di kawasan ini, dan pakaikan semula sebelum anda kembali ke tempat duduk.</p> <p>JANGAN tanggalkan pelitup muka ketika anda menghampiri 'Sanctuary' atau di hadapan Paderi atau EOM.</p>
	<p>Langkah-langkah semasa Komuni Gereja</p> <p>Bahagian A dan B akan diarahkan ke EOM di sebelah kiri Sanctuary (berhampiran 'font'), yang ditunjukkan di kawasan merah.</p> <p>Bahagian C akan diarahkan kepada Paderi di tengah dan Bahagian D dan Koir di sebelah kanan Sanctuary, ditunjukkan dengan warna hijau.</p> <p>Dewan Paroki</p> <p>Bahagian E (di sebelah kiri dewan) akan menerima Komuni terlebih dahulu dan kemudian bahagian F (di sebelah kanan Dewan).</p>

D. Tindakan sebelum meninggalkan Gereja

	<p>Sila bersihkan tempat duduk anda dengan tisu basah / antibakteria sebelum anda meninggalkan Gereja. JANGAN tinggalkan sampah di bangku.</p>
	<p>Meninggalkan Gereja akan dilakukan mengikut bahagian. Sila tunggu giliran anda dipanggil oleh Warden untuk meninggalkan Gereja.</p> <p>Bahagian A akan keluar melalui pintu belakang, Bahagian B akan keluar melalui pintu 'Font'.</p> <p>Bahagian C, D dan Koir akan keluar melalui pintu Mercy (pintu masuk).</p> <p>Bahagian E dan F (Dewan Paroki) akan keluar dari pintu utama.</p> <p>JANGAN bergaul di hadapan Gereja atau di tempat letak kereta selepas Misa dan tinggalkan tempat letak kereta secepat mungkin.</p>
	<p>Jangan lupa untuk mengimbas kod QR atau mengesahkan meninggalkan premis semasa keluar.</p>
	<p>Sila buang tisu, pelitup muka di rumah.</p>

NOTIS

Mereka yang TIDAK dibenarkan masuk jika:

- mempunyai kod berwarna "Merah"; "Biru" atau "Ungu" di aplikasi BruHealth.
- mempunyai bacaan suhu 37.5°C ke atas dan yang mengalami simptom seperti batuk, selsema dan sakit tekak.

Terima kasih atas kerjasama anda.